

26 AUG 2000

Daim-Singapura/I

DAIM BUKAN KETUA PERUNDING SELESAI ISU DUA HALA

SINGAPURA, 26 Ogos (Bernama) -- Menteri Kewangan Malaysia Tun Daim Zainuddin berkata beliau tidak dilantik ketua perunding untuk menyelesaikan isu-isu dua hala yang belum diselesaikan dengan Singapura tetapi bersedia memainkan sebarang peranan untuk melakukannya.

Business Times Singapura semalam melaporkan bahawa Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melantik Daim bagi tugas itu.

Daim memberitahu Straits Times, akhbar di bawah syarikat yang sama, bahawa beliau tidak dilantik ketua perunding tetapi bersedia memainkan sebarang peranan untuk menamatkan kebuntuan yang berlaku.

Beliau yakin bahawa kedua-dua negara boleh menyelesaikan isu itu atas semangat muhibbah dan keazaman di kedua-dua pihak.

"Kita perlu menyelesaikan masalah ini dan beralih kepada perkara lain. Usia kita semakin meningkat. Adalah baik bagi kepentingan kedua-dua negara, kita selesaikan semua ini dengan cepat," beliau dipetik sebagai berkata.

Hubungan dua hala telah menjadi tegang disebabkan beberapa isu termasuk Singapura mahu mendapatkan perjanjian baru bekalan air daripada Malaysia, pembangunan tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura dan pusat pemeriksaan kastam Malaysia yang juga bertempat di sini.

Tetapi harapan bagi perkara itu diselesaikan timbul, ekoran lawatan Menteri Kanan Singapura ke Malaysia minggu lepas, kunjungan pertama beliau selepas sedekad lamanya.

Daim berkata beliau sering berhubungan dengan Lee sejak bertahun lalu dan telah mencadangkan supaya Lee melawat Malaysia.

"Saya selalu berhubungan melalui telefon dengan beliau. Semasa saya berada di Singapura saya berjumpa dengan beliau dan bertukar-tukar pendapat mengenai perkara serantau dan antarabangsa. Saya percaya Encik Lee kini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menilai perasaan dan aspirasi para pemimpin kita dan juga rakyat Malaysia," katanya.

Daim dan Lee merupakan penandatanganan kepada Perkara Dipersetujui 1990 untuk memajukan semula tanah kereta api tetapi perbezaan pendapat timbul daripada interpretasi perjanjian itu.

Daim merasakan Lee boleh membantu menyelesaikan isu-isu berkenaan dan menasihatkan kerajaan Singapura mengenai langkah-langkah yang perlu diambil.

-- BERNAMA

TCL RON